

# UMS Link sasar kendali pengajian Sarjana Komunikasi

NST 01-03-2012 4



INON (tengah) menerima sumbangan komputer yang disampaikan oleh Rizal.

KOTA KINABALU: UMS Link, sebuah syarikat milik penuh Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyasarkan untuk mengendalikan pengajian Sarjana Komunikasi (Master in Communication) secara kerja kursus bagi memenuhi permintaan pelajar bidang berkenaan di negara ini, Brunei Darussalam dan Indonesia.

Pengurus Sektor Pendidikan dan Latihan, UMS Link Holdings Sdn. Bhd, Rizal Malik berkata penawaran program Sarjana UMS secara kerja kursus beserta kursus-kursus lain sedia ada akan dikendalikan melalui pusat pembelajaran UMS Link di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Kuching.

Selain itu katanya ia juga bakal ditawarkan di Brunei Darussalam dan Kalimantan Timur, Indonesia.

“Kita memperluaskan penawaran program pengajian bagi meningkatkan perolehan yang mana 60 peratus daripada pulangan korporat dikembalikan kepada universiti (UMS),” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan lima unit komputer kepada Sekolah Sains Sosial (Sekolah Sains Sosial), UMS bagi keperluan pembelajaran praktikal kalangan pelajar program komunikasi di Sekolah Sains Sosial UMS, di sini.

Komputer itu oleh Dekan Sekolah Sains Sosial, Prof. Madya Hj Inon Shaharuddin Abdul Rahman.

Turut hadir Pengurus Kanan Perkhidmatan Korporat, Perundangan dan Governan, UMS Link Hold-

ings Sdn. Bhd., Yusak Yumboris, Ketua Program Komunikasi Sekolah Sains Sosial, Dr Haryati Abdul Karim dan Profesor Komunikasi di Sekolah Sains Sosial, Prof Datuk Dr Hamdan Adnan.

Terdahulu itu Inon berkata Sekolah Sains Sosial baharu saja memperkenalkan penggunaan kelengkapan pengajian bidang komunikasi dengan menempatkan sebuah konti radio dan sebuah studio televisyen.

“Studio ini merupakan kemudahan kajian untuk memproses hasil rakaman kajian di lapangan, video komersil, persembahan dan bahan-bahan etnomuzikologi.

“Hasil proses audio-visual boleh dihantar ke pusat-pusat penerbitan audio-visual di dalam dan luar negeri untuk tujuan penyebaran ilmu dan promosi,” katanya.

Beliau berkata, setakat ini hanya Sekolah Sains Sosial, UMS menempatkan kemudahan seperti itu bagi keperluan program komunikasi.

Katanya lagi, sebagai permulaan, pihaknya telah mengadakan ‘uji-bakat’ di kalangan pelajar sekolah itu dan 20 pelajar telah dikenal pasti untuk bertugas sebagai penyampai di studio yang mana siaran peringkat sekolah ke udara dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang setiap hari Isnin hingga Jumaat. **-OLEH MARRYAN RAZAN (marryan@newsabah-times.com.my)**